APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm

How to cite this article:
Mohd Herman Roslan (2025). Meriam-meriam di Kuala Kedah: Fakta atau lagenda. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, *3* (10), 148-174. https://doi.org/10.32890/ahjmm2025.3.10

MERIAM-MERIAM DI KUALA KEDAH: FAKTA ATAU LAGENDA

(Cannons In Kuala Kedah: Fact Or Legend)

[1]Mohd Herman Bin Roslan

[1]Arkib Negara Malaysia,
Cawangan Negeri Kedah/Perlis
05250 Alor Setar, Kedah

[1]Corresponding author: sibutayangbertapa@gmail.com

Received: 22/1/2025 Revised: 24/4/2025 Accepted: 2/7/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Kuala Kedah menyimpan sejarah yang signifikan dengan keberadaan dua meriam ikonik, Katak Puru dan Badak Berendam, yang sering dikaitkan sebagai hasil buatan orang Melayu. Selain kedua-dua meriam ini, terdapat beberapa meriam lain yang ditempatkan di kota tersebut dan kini berada di bawah seliaan Jabatan Muzium Negara. Namun, walaupun isu ini telah disentuh dalam beberapa buku dan tulisan, maklumat mengenai asal usul dan teknik pembuatan meriam-meriam ini masih kekal kabur dan memerlukan kajian mendalam. Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana kebenaran dakwaan bahawa meriam-meriam di Kuala Kedah adalah hasil karya orang Melayu. Penilaian ini berdasarkan bukti sejarah seperti manuskrip lama, surat-menyurat rasmi, serta laporan kerajaan pada masa itu. Kajian ini juga berusaha untuk memahami kemampuan masyarakat Melayu terdahulu dalam bidang teknologi pembuatan senjata dan kepercayaan terhadap elemen mistik yang sering dikaitkan dengan senjata tersebut. Pendekatan ini bukan bertujuan merendahkan kehebatan pandai besi Melayu

atau peranan unsur mistik dalam budaya mereka, tetapi lebih kepada menjelaskan bahawa penciptaan senjata seperti meriam memerlukan teknologi dan kemahiran logam yang sangat khusus. Dengan analisis yang lebih terperinci, kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang lebih jelas dan objektif mengenai keupayaan teknologi tempatan pada masa lalu, sekaligus mengangkat warisan sejarah masyarakat Melayu ke tahap yang lebih tinggi.

Kata Kunci: Badak Berendam, Katak Puru, Kuala Kedah, Meriam, Kuala Kedah, Melayu

ABSTRACT

Kuala Kedah holds significant historical value through the presence of two iconic cannons, Katak Puru and Badak Berendam, which are often associated with being products of Malay craftsmanship. In addition to these two, several other cannons once stationed at the fortress are now under the care of the Department of Museums Malaysia. However, despite mentions in various books and writings, information regarding the origins and manufacturing techniques of these cannons remains obscure and calls for in-depth scholarly investigation. This study aims to assess the validity of claims that the cannons in Kuala Kedah were indeed crafted by the Malays. The evaluation is based on historical evidence such as old manuscripts, official correspondences, and government reports from the period. Furthermore, this study seeks to explore the technological capabilities of the early Malay community in weapon manufacturing, as well as the mystical beliefs often associated with such weaponry. This approach does not intend to diminish the skills of Malay blacksmiths or the cultural role of mysticism, but rather to emphasize that the production of cannons requires highly specialized metallurgical knowledge and technology. Through detailed analysis, this research hopes to offer a clearer and more objective understanding of past local technological capabilities, thereby elevating the historical heritage of the Malay society to a more prominent level.

Keywords: *Badak Berendam, Cannons, Malay, Katak Puru, Kuala Kedah*

PENGENALAN

Di Malaysia, kajian mengenai meriam telah menjadi fokus beberapa penyelidikan, yang antaranya diterbitkan dalam buku *Meriam Dalam Sejarah Negeri-negeri Melayu* oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara pada tahun 1994. Selain itu, terdapat artikel-artikel yang membincangkan kewujudan meriam di Alam Melayu secara umum. Salah satu kajian yang lebih mendalam berkenaan meriam di Kedah adalah buku *Kota Kuala Kedah: Gelanggang Harimau Menerkam* yang ditulis oleh Abdul Muati Ahmad. Buku ini tidak hanya memberi tumpuan kepada jenis meriam yang terdapat di Kuala Kedah, tetapi juga mencatatkan kewujudan senjata api Barat yang masih disimpan di muzium atau dimiliki oleh individu persendirian. Di samping itu, buku ini turut menceritakan sejarah dan reka bentuk kota, memberikan pemahaman lebih mendalam mengenai warisan ketenteraan di kawasan tersebut.

Meriam-meriam yang ditemui di Kuala Kedah adalah berasal daripada Belanda dan Britain, dua kuasa penjajah yang memainkan peranan penting dalam sejarah pertahanan negeri ini melalui perdagangan senjata api. Beberapa kaedah digunakan untuk mengenal pasti asal-usul

meriam-meriam tersebut, antaranya melalui cap logo pada meriam, syarikat pembuat (Zamrud, 2009), bentuk laras *(barrel),* dan tombol *(knob)* pada meriam. Meriam kecil yang dikenali sebagai Lelarentaka *(swivel gun)* misalnya, mempunyai tombol yang disebut sebagai "ekor lutong" yang berfungsi untuk melaraskan meriam untuk membidik *(aiming)*. Ciri-ciri fizikal seperti ini memudahkan pengenalan meriam berdasarkan negara pengeluar, sama ada Belanda atau Britain. Kajian ini penting dalam memahami pengaruh ketenteraan luar dalam sejarah Kedah, khususnya dalam konteks pertahanan dan interaksi dengan kuasa penjajah di Alam Melayu. Dengan menggunakan tiga kaedah pengenalan tersebut, kita dapat memperoleh gambaran yang lebih jelas tentang asal-usul meriam yang terdapat di Kuala Kedah dan peranannya dalam sejarah tempatan.

Kajian-kajian seperti ini akan diperlukan bagi membuka ruang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai sejarah ketenteraan Melayu dan menolak tanggapan bahawa mereka hanya bergantung kepada senjata tradisional. Malah, ia membuktikan bahawa masyarakat Melayu telah berjaya mengintegrasikan elemen teknologi moden dengan budaya tempatan untuk mempertahankan kedaulatan mereka daripada ancaman imperialisme. Oleh itu, usaha untuk mendalami dan mendokumentasikan warisan persenjataan Melayu ini amat penting, bukan sahaja untuk mengangkat sejarah bangsa tetapi juga untuk memberikan inspirasi kepada generasi kini tentang keupayaan nenek moyang mereka dalam menghadapi cabaran yang kompleks. Kajian lanjut dalam bidang ini pasti akan memperkaya pemahaman kita tentang warisan ketenteraan dan teknologi masyarakat Melayu pada zaman imperialisme.

METODOLOGI

Penulisan artikel ini menggunakan pendekatan sejarah kualitatif yang berpaksikan kepada analisis dokumen dari sumber-sumber primer dan sekunder. Kajian ini turut melibatkan penyelidikan lapangan yang meneliti secara langsung struktur fizikal meriam yang terdapat di Kota Kuala Kedah. Ini termasuklah pengamatan terhadap bentuk muncung, buntut dan tanda-tanda pengenalan yang terdapat pada meriam, serta perbandingan dengan data sejarah dan artifak yang serupa di lokasi lain. Melalui triangulasi sumber – manuskrip, dokumen rasmi, artifak fizikal dan naratif tempatan – pendekatan ini membantu menggabungkan maklumat sejarah bertulis dengan bukti arkeologi bagi menilai sama ada meriam seperti *Katak Puru* dan *Badak Berendam* benar-benar buatan tempatan atau diperoleh daripada kuasa asing seperti British serta menjelaskan peranan teknologi dan kepercayaan mistik dalam konteks ketenteraan tradisional Melayu.

PERINCIAN MERIAM

Kajian berkenaan persenjataan zaman imperialisme yang digunakan oleh masyarakat Melayu di negara ini sememangnya masih kurang dilakukan, menyebabkan banyak aspek penting sejarah persenjataan Melayu belum diterokai sepenuhnya. Namun begitu, usaha-usaha yang telah dijalankan oleh penyelidik dan sejarawan memberi gambaran yang lebih komprehensif tentang keupayaan teknologi dan adaptasi masyarakat Melayu dalam menghadapi cabaran ketenteraan pada era tersebut. Amat menarik untuk diperhatikan bahawa kajian-kajian ini semakin membuktikan bahawa masyarakat Melayu tidak hanya bergantung kepada senjata tradisional seperti keris, parang, dan panah semata-mata. Sebaliknya, mereka turut

menggunakan senjata api dan teknologi moden yang diperoleh hasil interaksi dengan kuasa luar seperti pedagang Eropah, Cina, dan Arab, serta melalui pengaruh kerajaan-kerajaan jiran seperti Pattani, Aceh, dan Melaka.

Penggunaan senjata api seperti bedil, lela rentaka, meriam, dan istinggar menjadi bukti bahawa masyarakat Melayu bukan sahaja memahami teknologi ini tetapi juga menyesuaikannya dengan keperluan tempatan. Malah, beberapa manuskrip penting seperti *Peluru Petunang* dan manual penggunaan meriam yang direkodkan pada abad ke-19 menunjukkan tahap pemahaman teknikal yang tinggi dalam mengendalikan senjata ini. Manuskrip-manuskrip ini bukan sahaja memberi panduan tentang cara penggunaan senjata api tetapi juga mencerminkan strategi peperangan yang lebih kompleks dan berkesan. Sebagai contoh, dokumen seperti ini menjelaskan cara untuk memastikan konsistensi dalam tembakan meriam, teknik penjagaan senjata agar tahan lama, dan pendekatan taktikal untuk menghadapi musuh yang lebih maju dari segi persenjataan. Ini sekaligus membuktikan bahawa masyarakat Melayu pada era imperialisme bukan sahaja bergantung kepada kekuatan fizikal tetapi juga kepada kecerdikan dan kebijaksanaan teknikal mereka.

Peluru Petunang ialah sebuah manuskrip tangan yang berbahasa Melayu, mendokumentasikan cara, petua, dan amalan orang Melayu dalam pengendalian senjata api. Dokumen ini bukan sahaja mencerminkan teknologi persenjataan Melayu pada masa lalu tetapi juga menonjolkan kearifan tempatan yang diwarisi dari generasi ke generasi. Penggunaan senjata api oleh orang Melayu sememangnya telah diketahui sejak zaman pemerintahan kerajaan Pattani, sebuah kerajaan Melayu yang terkenal dengan kebijaksanaan dan kemahiran dalam bidang pertahanan dan ketenteraan.

Manuskrip ini memberikan panduan mendalam mengenai aspek teknikal dan strategi dalam penggunaan senjata api, termasuk bagaimana mengendalikan meriam, yang pada masa itu dikenali sebagai *bedil*. Salah satu prinsip penting yang ditekankan dalam manuskrip ini ialah penggunaan ubat bedil (serbuk mesiu) yang tetap, walaupun jarak sasaran berbeza. Ini menunjukkan kefahaman mendalam orang Melayu terhadap konsep konsistensi daya ledakan, di mana perubahan pada sudut tembakan digunakan untuk menyesuaikan jarak, bukannya mengubah kekuatan ubat bedil. Prinsip ini menggambarkan kefahaman teknikal yang tinggi dan memastikan tembakan lebih konsisten dan terkawal. Kemahiran ini penting bukan sahaja dalam peperangan tetapi juga dalam menonjolkan keupayaan teknologi tempatan dalam beradaptasi dengan keperluan zaman. Dokumen ini memberi bukti jelas bahawa orang Melayu pada masa lalu tidak hanya menjadi pengguna teknologi tetapi juga menguasai aspek teknikal dan teori di sebalik penggunaan senjata api.

Selain itu, manual penggunaan meriam yang turut dirujuk dalam manuskrip ini telah direkodkan pada tahun 1869. Manuskrip asal ini merupakan salah satu warisan budaya yang amat bernilai dan kini disimpan dengan rapi di bawah jagaan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kandungan manuskrip ini mencakupi pelbagai aspek pengendalian senjata berat, seperti teknik pengisian peluru, penjagaan meriam, langkah keselamatan, serta strategi dalam penggunaannya di medan pertempuran. Pada tahun 1984, manuskrip ini diterbitkan secara rasmi, membolehkan penyelidik, sejarawan, dan peminat budaya mengkaji dan menghargai warisan teknologi persenjataan Melayu. Penerbitan ini telah diselenggarakan oleh tokoh ilmuwan terkenal, A. Samad Ahmad (1984) yang memastikan keaslian manuskrip dipelihara.

Dalam proses penyelenggaraan, beliau turut menyediakan ulasan dan penjelasan kontekstual bagi membantu pembaca memahami isi kandungan dengan lebih baik.

Manuskrip ini bukan sekadar dokumen teknikal tetapi juga lambang kepada keupayaan intelektual dan adaptasi teknologi masyarakat Melayu dalam mempertahankan kedaulatan negeri mereka. Ia juga menjadi bukti bahawa pada era tersebut, orang Melayu telah menguasai seni peperangan moden, sekaligus menonjolkan kebijaksanaan mereka dalam mengintegrasikan ilmu pengetahuan dan teknologi untuk melindungi tanah air. Melalui dokumen seperti Peluru Petunang dan manual penggunaan meriam ini, warisan sejarah Melayu terus hidup dan memberikan inspirasi kepada generasi kini untuk menghargai sumbangan nenek moyang dalam bidang teknologi, ketenteraan, dan kearifan tempatan.

Meriam kecil, yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu, mempunyai pelbagai nama dan digunakan dalam konteks yang berbeza, termasuk dalam peperangan dan pertahanan diri. Meriam kecil ini tidak hanya berfungsi sebagai senjata, tetapi juga mempunyai nilai estetika yang tinggi, sering dihiasi dengan ukiran dan seni pembuatan logam yang sangat terperinci.

Berikut adalah antara nama bahagian meriam dalam Bahasa Melayu yang diterjemah dari Bahasa Inggeris. Istilah-istilah ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu juga mencipta meriam namun dalam saiz yang lebih kecil. Meriam saiz kecil ini dikenali dengan pelbagai nama seperti lela rentaka, lela rambang dan lela tahan turut. Meriam kecil ini turut di sebut sebagai bedil.

1. **Lela Rentaka**
   Meriam Meriam kecil yang terkenal dalam sejarah maritim Melayu, biasanya dipasang pada kapal untuk tujuan pertahanan. "Rentaka" merujuk kepada meriam yang kecil, ringan, dan mudah dipindahkan. Ia memainkan peranan penting dalam peperangan laut di mana kelajuan dan mobiliti adalah kelebihan utama.

2. **Lela Rambang**
   Meriam jenis ini lebih kecil dan lebih mudah alih berbanding lela rentaka, biasanya digunakan dalam pertempuran jarak dekat atau sebagai senjata pertahanan di dalam kawasan darat. Nama "rambang" merujuk kepada meriam yang lebih ringan dan dapat disesuaikan mengikut situasi.

3. **Lela TahanTurut**
   Meriam kecil yang digunakan untuk pertahanan statik, yang biasanya dipasang di kawasan yang memerlukan kawalan yang lebih ketat. Lela tahan turut sering dipasang di benteng atau tempat-tempat strategik untuk menghadapi serangan

4. **Bedil**
   Istilah umum untuk meriam kecil yang digunakan dalam masyarakat Melayu. Ia boleh merujuk kepada pelbagai jenis meriam kecil, termasuk lela rentaka dan lela rambang, yang digunakan dalam situasi pertempuran atau dalam pertahanan. "Bedil" juga digunakan untuk merujuk kepada senjata api yang lebih kecil dan mudah dibawa.

Gambar 1

Meriam kecil/Lela/Bedil



Sumber: (Dipetik dari : https://www.pinterest.com/pin/47147127341043397/)

Berikut adalah huraian yang lebih murni mengenai nama-nama bahagian meriam dalam Bahasa Melayu yang diterjemah daripada Bahasa Inggeris, penjelasannya adalah seperti berikut:

1. **Laras**
   Laras meriam adalah bahagian utama yang berbentuk tiub panjang, di mana peluru atau bahan letupan disemai dan diletupkan. Laras ini biasanya diperbuat daripada logam yang tahan lasak untuk menahan tekanan letupan semasa tembakan.

2. **Lubang Picu (Touch Hole)**
   Lubang kecil yang terletak pada bahagian hujung laras meriam. Lubang ini digunakan untuk menyalakan bahan letupan yang ada di dalam laras, melalui api atau percikan api daripada alat pemetik.

3. **Breech (Buntut Meriam)**
   Bahagian belakang meriam yang menyokong sistem pemuatan peluru dan bahan letupan. Dalam meriam jenis **breech-loading**, bahagian ini juga digunakan untuk memasukkan peluru.

4. **Tunjang (Trunnion)**
   Bahagian berbentuk silinder yang terletak di sisi laras meriam, yang membolehkan laras diputar untuk disesuaikan dengan arah tembakan. Tunjang ini memainkan peranan penting dalam mengimbangi laras meriam semasa tembakan dilakukan..

5. **Peluru (Projectile)**
   Peluru adalah objek yang diletakkan dalam laras meriam dan dilepaskan ketika tembakan dilakukan. Peluru meriam boleh terdiri daripada pelbagai bentuk, termasuk peluru besi atau bahan peledak.

6. **Tapak Meriam (Gun Carriage)**
   Struktur yang digunakan untuk menyokong laras meriam, sama ada dalam bentuk roda untuk meriam besar atau dudukan tetap untuk meriam kecil. Tapak ini juga membolehkan pergerakan meriam pada arah tertentu.

7. **Pemutar (Swivel)**
   Bahagian kaki meriam, pemutar ini di pasang di tengah meriam dan dipacakkan pada mana-mana kayu atau tempat yang sesuai untuk menembak.

8. **Pemegang Putar (Swivel Yoke)**
   Dalam meriam kecil, pemegang putar membolehkan meriam diputar 360 darjah untuk mengubah arah tembakan. Ini sangat berguna dalam pertempuran laut atau pertempuran jarak dekat di mana fleksibiliti arah tembakan sangat diperlukan.

9. **Penyedak (Wadding)**
   Merupakan bahan yang digunakan untuk menekan peluru di dalam laras sebelum tembakan dilakukan. Ia juga berfungsi untuk menghalang bahan letupan daripada bergerak dengan bebas di dalam laras.

10. **Penutup Picu (Vent Cover)**
    Penutup yang digunakan untuk menutup lubang picu ketika meriam tidak digunakan, untuk melindungi lubang daripada kelembapan atau kotoran yang boleh menghalang proses penyalakan.

Istilah-istilah seperti meriam ekor lotong bukan sahaja menggambarkan kebolehan masyarakat Melayu dalam pembuatan senjata, tetapi juga menunjukkan daya inovasi dan keupayaan mereka dalam mencipta teknologi yang sesuai untuk keperluan pertahanan dan serangan. Meriam kecil seperti ini memainkan peranan penting dalam struktur pertahanan maritim dan

darat, terutama pada zaman kesultanan Melayu yang sering menghadapi cabaran geopolitik serta serangan musuh dari dalam dan luar Nusantara.

Pembuatan meriam kecil, seperti meriam ekor lotong, memerlukan kepakaran tinggi dalam bidang metalurgi. Masyarakat Melayu pada zaman itu telah menguasai seni peleburan logam, khususnya tembaga dan besi, yang digunakan untuk menghasilkan meriam berkualiti tinggi. Proses ini melibatkan teknik pengecoran yang rumit serta pemahaman yang mendalam tentang sifat-sifat logam. Selain itu, hasil pembuatan meriam ini sering dihiasi dengan ukiran indah yang menggambarkan seni dan budaya Melayu, sekaligus menjadikannya simbol kuasa, teknologi, dan keindahan seni yang seimbang.

Meriam kecil ini, yang dipasang pada dudukan berpangsi (mirip dengan *swivel gun* di Eropah), memberi kelebihan taktikal kepada pengguna. Keupayaan untuk memutar atau mengarahkan meriam dengan mudah menjadikannya sangat efektif dalam pertempuran jarak dekat, sama ada untuk menyerang musuh atau mempertahankan kapal, benteng, atau kawasan strategik. Di kapal perang Melayu seperti perahu perang dan jong, meriam ini sering digunakan untuk menghalang serangan musuh yang cuba mendekati kapal. Dengan saiznya yang kecil dan mudah dikendalikan, ia membolehkan manuver yang lebih fleksibel, berbanding meriam besar yang memerlukan lebih banyak tenaga kerja dan ruang.

Pembuatan meriam kecil seperti ini mencerminkan bukan sahaja kemahiran teknikal tetapi juga pencapaian budaya masyarakat Melayu. Keupayaan mereka untuk mencipta senjata yang inovatif menunjukkan bahawa mereka bukan sekadar bergantung kepada teknologi yang diimport, tetapi mampu menyesuaikan dan memperhalusi teknologi tersebut mengikut keperluan tempatan. Pada masa yang sama, penggunaan meriam ini melambangkan kedinamikan hubungan antara kerajaan Melayu dengan kuasa-kuasa asing, seperti pedagang Eropah, Cina, dan India, yang mungkin turut sama menyumbang dalam teknologi pembuatan meriam.

Masyarakat Melayu pada zaman klasik bukan sahaja mahir dalam penggunaan teknologi peperangan tetapi juga menyedari kepentingan strategi dalam mempertahankan wilayah mereka. Pengenalan dan adaptasi meriam kecil ini adalah bukti kecanggihan mereka dalam menghadapi ancaman luar yang semakin kompleks. Dalam konteks ini, meriam kecil seperti ekor lotong berfungsi bukan sekadar sebagai alat peperangan, tetapi juga sebagai simbol kehebatan maritim, ketangkasan militer, dan kebijaksanaan teknologi yang diwarisi turun-temurun.

Meriam ekor lotong adalah salah satu contoh terbaik bagaimana masyarakat Melayu mengintegrasikan teknologi, seni, dan strategi ke dalam kehidupan mereka. Ia bukan sahaja mencerminkan kecanggihan teknologi mereka dalam menghadapi cabaran peperangan tetapi juga menjadi bukti kehalusan budaya yang mengakar dalam kemahiran pembuatan logam dan seni reka. Dengan itu, warisan seperti ini harus dihargai sebagai lambang identiti dan kecerdikan bangsa Melayu yang pernah menjadi kuasa besar di rantau Nusantara.

Istilah-istilah ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu bukan sahaja mempunyai kemahiran dalam pembuatan senjata, tetapi juga mencipta inovasi dalam meriam kecil yang berfungsi untuk pertahanan dan serangan. Pembuatan dan penggunaan meriam kecil ini

mengukuhkan lagi kebudayaan dan kepakaran logam yang dimiliki oleh masyarakat Melayu, serta mencerminkan kecanggihan teknologi mereka dalam menghadapi cabaran peperangan.

Gambar 2

Meriam Besar



Sumber : (Dipetik dari https://www.3hconsulting.com/techniques/TechRecordingCannon.html)

Gambar 3

Diagram sebuah meriam



Sumber: Dipetik dari By KDS444 - Own work, CC BY-SA 3.0, https://commons.wikimedia.org/w/index.php?curid=19483083

Berikut adalah antara nama bahagian meriam dalam Bahasa Melayu yang diterjemah dari Bahasa Inggeris:

1. Muzzle - Muncung Meriam
   Bahagian terbuka di hujung laras tempat peluru dilepaskan.
2. Bore - Lubang Laras
   Bahagian dalam laras meriam yang kosong, tempat peluru bergerak sebelum dilepaskan.
3. Breech – Buntut
   Bahagian belakang laras meriam yang tertutup dan tempat cas diletakkan.
4. Cascabel – Penutup Buntut
   Struktur berbentuk bulat di bahagian belakang brekas yang digunakan untuk mengangkat atau mengikat meriam.
5. Trunnions - Gandar Laras
   Projeksi silinder di sisi laras yang terletak di atas kerangka meriam, membolehkan laras bergerak untuk mengarah.
6. Vent (Touch Hole) - Lubang Sumbu
   Lubang kecil di dekat brekas tempat sumbu atau percikan api digunakan untuk menyalakan serbuk letupan.
7. Base Ring - Cincin Asas
   Cincin tebal di pangkal buntut meriam untuk kekuatan tambahan.
8. Chase - Hujung Laras
   Bahagian laras yang menirus ke hadapan di antara bahagian tebal dan muncung.
9. Reinforce - Penguat Laras
   Bahagian laras yang lebih tebal berhampiran buntut meriam untuk menahan tekanan letupan.

Istilah-istilah seperti di atas menunjukkan kehalusan dan kejelasan teknikal yang dimiliki oleh masyarakat Melayu dalam memahami dan menerangkan teknologi meriam. Setiap istilah ini menggambarkan komponen penting yang direka untuk memastikan kecekapan, ketahanan, dan keselamatan meriam dalam penggunaannya, baik untuk pertahanan mahupun serangan. Istilah-istilah ini bukan sekadar terjemahan teknikal tetapi juga cerminan kemampuan masyarakat Melayu untuk mengasimilasikan teknologi asing dengan kefahaman yang mendalam dan menyesuaikannya mengikut keperluan tempatan. Ia menunjukkan bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu mempunyai sistem pengetahuan dan penguasaan teknologi yang cukup maju untuk mengadaptasi serta memperkayakan senjata seperti meriam. Dengan penerapan istilah-istilah ini, kita dapat melihat bagaimana warisan kebudayaan Melayu bukan sahaja berpusat pada seni dan adat, tetapi juga melibatkan pencapaian dalam bidang teknologi dan ketenteraan. Ini menjadi bukti kecemerlangan tamadun Melayu yang mampu mengimbangi estetika, fungsi, dan daya cipta dalam usaha mempertahankan kedaulatan dan membina kekuatan.

MERIAM KATAK PURU DAN BADAK BERENDAM

Terdapat 13 buah Meriam di Kota Kuala Kedah yang kini dibawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia. Senarai meriam tersebut adalah seperti berikut :

1. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 1 – Replika daripada Meriam British
2. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 2 – Replika daripada Meriam British

3. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 3 - (No daftar JMA.PDN.127.2005.s5.162)
4. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 4 – (Replika Meriam Belanda 1849)
5. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 5 – (Replika Meriam Belanda 1849)
6. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 6 – (Replika Meriam Belanda 1610)
7. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 7 – (Replika Meriam Belanda 1610)
8. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 8 – (Meriam "Badak Berendam", No daftar 61)
9. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 9 – Replika daripada Meriam British
10. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 10 – Meriam British*
11. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 11 – Meriam British *
12. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 12 – Replika daripada Meriam British
13. Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 13 – (Meriam "Katak Puru" , No daftar 66) (Muzium Kota Kuala Kedah, t.t)

Tidak ada data rasmi berkenaan meriam-meriam replika ini, walaupun begitu dikatakan bahawa sebahagian daripada meriam replika ini dibuat ketika baik pulih kota tersebut pada tahun 2000. Tanda (*) bermaksud berkemungkinan meriam tersebut juga adalah replika. Berdasarkan buku Konservasi Artifak Meriam Sejarah terbitan Muzium Negara Malaysia terdapat 6 buah meriam yang di baik pulih pada tahun 2008 (Zamrul, 2009). Daripada 6 meriam ini hanya satu saja yang tidak mempunyai tanda (marks atau cap pengeluar), ini bermakna meriam tersebut tidak dapat dikenalpasti pembuatannya.

Di dalam laporan senarai meriam ini terdapat 3 buah meriam yang menarik dan dipercayai mempunyai kaitan dengan orang Melayu iaitu Meriam Koleksi Pindaan 4 Nombor 3,8 dan 13. Meriam nombor 3 tidak mempunyai nama khas manakala nombor 8 dikenali sebagai Badak Berendam dan nombor 13 dikenali sebagai Katak Puru.

Gambar 4

Meriam Koleksi Pindaan 4 – No. 3. - (No. Daftar JMA.PDN.127.2005.s5.162)



Sumber: (Dipetik dari Laporan Cadangan Konservasi Meriam Kota Kuala Kedah)

Menurut laporan Jabatan Muzium Negara, meriam ini dipercayai dibuat oleh pihak British dan merupakan salah satu meriam yang masih tersisa di Kota Kuala Kedah. Meriam ini digunakan semasa peperangan antara Kedah dan Siam, yang menjadi salah satu peristiwa penting dalam sejarah pertahanan wilayah Kedah (Muzium Kota Kuala Kedah, t.t).

Gambar 5

Bentuk Buntut Meriam

Sumber: Penyelidik

Gambar 6

Bentuk Muncung Meriam

Sumber: Penyelidik

Setelah kajian bentuk dan rupa meriam ini di buat, adalah sukar untuk menentukan siapakah pembuat meriam ini walaupun meriam didakwa di buat oleh pihak British. Ini kerana tidak ada tanda (*marks*) pada meriam, bentuk meriam yang hampir lurus pada semua bahagian

khususnya pada kawasan Penguat Laras Pertama *(1st Reinforce)*. Dakwaan yang mengatakan meriam ini adalah buatan British berkemungkinan berdasarkan kepada ciri-ciri bentuk buntut meriam *(casecable)* dan butang *(button)* atau tombol *(knob)*. Namun begitu pada bahagian Muncung *(Muzzle)* lubang meriam ini tersumbat kerana proses pengaratan besi akibat faktor semulajadi iaitu panas, kelembapan udara dan meriam ini terletak di kawasan tepi pantai.

Gambar 7

Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 8 – (Meriam "Badak Berendam", No daftar 61)

Sumber: (Dipetik dari Laporan Cadangan Konservasi Meriam Kota Kuala Kedah)

Meriam ini dipercayai oleh masyarakat lokal sebagai senjata yang mempunyai kuasa mistik. Menurut cerita mitos tempatan, meriam ini diperbuat oleh orang Melayu dan diberi nama "Badak Berendam" kerana walaupun meriam ini jatuh ke dalam air ianya tetap timbul. Walaupun begitu daripada penyelidikan lapangan yang dibuat, dengan melihat kepada struktur dan rupa bentuk meriam ini. Meriam Badak Berendam ini dibuat oleh British. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada ciri-ciri bentuk buntut meriam *(casecable)* dan butang *(button)* atau tombol *(knob)*.

Gambar 8

Sumber: (Dipetik dari Laporan Cadangan Konservasi Meriam Kota Kuala Kedah)

Gambar 9

Meriam Koleksi Pindaan 4 – No 13 – (Meriam "Katak Puru" , No daftar 66)

Sumber: (Dipetik dari Laporan Cadangan Konservasi Meriam Kota Kuala Kedah)

Meriam ini juga dipercayai oleh masyarakat lokal sebagai senjata yang mempunyai kuasa mistik. Menurut cerita mitos tempatan, meriam ini diperbuat oleh orang Melayu dengan cara dipicit yang menghasilkan bentuk berkerutu seperti belakang katak. Oleh kerana itu meriam ini diberikan mana "Katak Puru". Setelah penyelidikan lapangan dibuat, dengan melihat kepada struktur dan rupa bentuk meriam ini kajian ini mendapati bahawa Meriam Katak Puru ini dibuat oleh British. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada ciri-ciri bentuk tanda *(marks)*, buntut meriam *(casecable)* dan butang *(button)* atau tombol *(knob)*. Tanda yang ada pada meriam ini mempunyai bentuk GR dan Mahkota British. GR bermaksud George dan Rex (di dalam latin bermaksud Raja) (Keith, 2011) Augutus (Raja George II) yang memerintah Britain dari tahun 1727 hingga 1760 dan cucunya George William Frederick (Raja George III) yang memerintah Britain dari tahun 1760 hingga 1820.

Gambar 10

Tanda (marks) pada meriam

Sumber/Nota; (Tanda (marks) pada meriam yang tertera tulis "GR dan Mahkota British".
Sumber dipetik dari https://www.timespub.tc/2011/06/deciphering-the-cannon-code/)

Setiap negara pembuat meriam biasanya akan meletakkan tanda pengenalan pada setiap meriam yang dihasilkan. Tanda ini berfungsi sebagai cap rasmi yang menunjukkan asal-usul meriam tersebut, termasuk negara pembuat, bengkel pengeluaran, atau kadangkala tahun pembuatan dan identiti tukang. Tanda ini juga menjadi simbol kebanggaan dan mutu kerja sesebuah negara, mencerminkan keupayaan teknologi serta kehalusan seni pembuatan meriam. Selain itu, cap ini memudahkan pengesanan sejarah meriam tersebut dan mengenal pasti hubungannya dengan peristiwa atau tempat tertentu.

Berdasarkan kepada reka bentuk meriam ini, kajian mendapati meriam Katak Puru dan Badak Berendam adalah jenis *Armstrong Pattern 24 pound* buatan British. Rekaan ini mempunyai persamaan dengan meriam yang terdapat di Kubu Parson Lodge, Giblatar, Sepanyol. (Ministry for Heritage, t.t). Meriam ini dipercayai dibuat sekitar tahun 1780 oleh John Armstrong iaitu Ketua Penyelia Perbekalan Senjata Tentera British *(Surveyor-General of the Ordnance)* (Anonymous, 2009).

Gambar 11



Sumber: (dipetik dari https://www.ministryforheritage.gi/heritage-and-antiquities/24-pdr-cannon-parsons-lodge-1457)

SEJARAH MERIAM DI KEDAH

Secara umumnya penggunaan meriam di Kedah tidak menceritakan bagaimana senjata tersebut digunakan. Di dalam pelbagai lembaran sejarah sama ada melalui surat-menyurat atau manuskrip, meriam-meriam ini dibeli daripada Belanda atau pun Britain. Namun begitu sumber-sumber Belanda berkenaan pembelian meriam oleh Kedah adalah amat kurang yang menyebabkan kajian tentang perdagangan meriam oleh Belanda di Kedah menjadi sukar. Berbeza dengan Britain (disebut juga British), terdapat sejumlah surat-surat berkenaan pembelian meriam oleh Kesultanan Kedah daripada mereka melalui *East Indian Company*. Terdapat banyak catatan dari sumber lokal mahupun barat berkenaan penggunaan meriam di dalam peperangan di Kedah. Sumber terawal berkenaan penggunaan meriam ini terdapat di

dalam Hikayat Siak dan Tuhfat An-Nafis. Walaupun kedua-dua teks hikayat ini bertumpu kepada sejarah suku kaum Siak dan Bugis tetapi para penulisnya turut menceritakan tentang peperangan di antara kedua-dua suku ini di Kedah dari tahun 1721-1724 iaitu ketika pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II (1710-1778).

Ketika angkatan Bugis tiba di Kuala Kedah, Raja Kecil telah pun mempersiapkan sebuah kubu pertahanan yang kukuh. Dengan tujuan menghindari pertempuran secara langsung, beliau berharap dapat menggunakan senapang *matchlock*, meriam, dan lelarentaka (*swivel guns)* untuk melancarkan serangan terhadap pasukan Bugis. Namun, angkatan Bugis mengambil pendekatan dengan mengepung Kuala Kedah, yang seterusnya menyebabkan penurunan dalam aktiviti perdagangan negeri tersebut. Selain itu, pasukan Bugis juga mendirikan beberapa kubu di lokasi yang berseberangan dengan kubu pertahanan Raja Kecil. Peperangan antara kedua-dua belah pihak berlanjutan selama dua tahun di sepanjang tebing Sungai Kedah. Pada suatu ketika, Daeng Perani, pemimpin angkatan Bugis, mengeluarkan cabaran kepada Raja Kecil untuk bertempur dalam perlawanan satu lawan satu. Raja Kecil menerima cabaran tersebut, tetapi malangnya beliau telah dikalahkan dan terpaksa berundur kembali ke kubunya.

Tidak lama selepas itu, ketika Daeng Perani menyusuri sungai berhadapan dengan kubu Raja Kecil, beliau ditembak oleh Panglima Yahya, seorang askar upahan dari Siak, Makasar, yang sedang berlindung di atas bumbung kubu tentera Siak. Kematian Daeng Perani menyebabkan kemarahan yang mendalam dalam kalangan pasukan Bugis, yang kemudiannya melancarkan serangan balas dengan membunuh semua individu dari Siak dan Kedah yang berada di kawasan tersebut. Raja Kecil, dalam situasi yang semakin terdesak, akhirnya melarikan diri dan kembali ke Siak untuk mencari perlindungan (Winsted, 1936; Virgina Matheson, 1982; Muhammad Yusoff, 1992 dan Mohd Herman, 2016).

Pada tahun 1771, Raja Haji Fisabillilah telah mengarahkan saudaranya, Sultan Salehuddin (1743-1778) dari Selangor, untuk menuntut 15 bahara timah yang telah dijanjikan oleh Sultan Muhammad Jiwa kepada pakciknya, Daeng Perani, sejak tahun 1723 (Winsted, 1936 dan Booney, 1974). Dalam serangan tersebut, Raja Haji Fisabillilah berjaya menawan Jong Salang sebelum melancarkan serangan ke Alor Setar (Andaya 1976). Orang-orang Bugis yang turut bersekutu dengan Tunku Anjang dan Tunku Long Putera memainkan peranan penting dalam perancangan serangan ini. Akibatnya, Kedah dapat ditawan dengan mudah kerana kurangnya persediaan yang dilakukan oleh Sultan Abdullah pada waktu itu (Virginia Matheson, 1982 dan Mohammad Isa, 1990). Serangan ini mengejutkan Sultan Muhammad Jiwa, yang dalam keadaan terkejut telah pengsan dan terpaksa dibawa ke Perlis untuk keselamatan.

Francis Light mencatatkan bahawa Sultan Muhammad Jiwa sangat marah dan terkejut dengan serangan yang dilakukan oleh angkatan Bugis sehingga beliau menjadi begitu takut dan hilang kata-kata, tidak dapat bercakap selama beberapa hari. Peristiwa ini menggambarkan betapa mendalamnya kesan serangan tersebut terhadap Sultan Muhammad Jiwa, serta ketegangan yang wujud antara Kedah dan angkatan Bugis pada masa itu. R. Booney mengatakan orang – orang Bugis telah membakar dan menjarah negeri Kedah dan melarikan semua perempuan dan kanak-kanak yang mereka jumpa. Mereka juga memusnahkan segala benda termasuk tanam-tanaman. Orang-orang Bugis juga merampas barangan dari kapal para pedagang terutama sekali kapal milik Chulia dan telah merampas 300 meriam dari Kota Kuala Kedah (Boney, 1974).

Selain dari ancaman orang-orang Bugis, Kedah sering menerima tekanan daripada kerajaan Siam. Malah tekanan politik ini berlaku sejak abad ke 16 lagi. Perluasan kuasa Siam selepas kejatuhan kerajaan Ayutthaya dengan digantikan kerajaan Chakri pada tahun 1782 turut memberi kesan kepada Negeri Kedah yang ketika itu diperintah oleh Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778-1797). Di dalam surat Sultan Abdullah kepada Light pada tahun 1785, Sultan Abdullah menyatakan bahawa baginda mahu membuka sebuah bangsal untuk menempatkan kayu dan rotan di Kuala Perai supaya kayu kayan ini dapat dieksport ke Pulau Pinang. Baginda juga menyatakan bahawa pelabuhan Kuala Kedah sudah tidak lagi berjaya menarik minat pedagang untuk menjalankan perniagaan (MS 40320/7, f.84 t.t).

Rama I juga mahu Kedah menghantar bantuan kepada tentera Siam yang sedang menentang angkatan Burma. Malangnya Sultan Abdullah tidak mempunyai kelengkapan yang mencukupi untuk memenuhi permintaan Siam. Oleh itu baginda mengutus surat kepada Light untuk memberikan bantuan senjata dan meriam kepadanya dengan apa cara sekalipun (MS 40320/8,f.25, t.t). Pada 31 Disember 1785 Sultan Abdullah sekali lagi mengutus surat kepada Light dengan menyatakan bahawa baginda ingin membeli pelbagai jenis meriam dan senjata bagi memenuhi permintaan Siam. Pembelian tersebut ialah sepucuk meriam tembaga sepanjang 3.6 meter (11 kaki) dan seberat setengah tan, 200 rentaka seberat 150 kilogram dan 2 pasang lela sepanjang 2.7 meter.

> "... kekanda adalah adinda pinta tolong hadrat kekanda bicarakan cahari beli meriam tembaga panjang dulapan hasta berat dulapan bahara atau sembilan bahara dan panjang sembilan hasta beratnya pada sepucuk sembilan sepuluh bahara pada sepucuk hadrat kekanda bicaralan [bicarakan] barang sepasang pelurunya besar limau manis jika tiada ada meriam perjualan pinta hadrat kekanda suruh tuang pada tukang meriam jadikan berbuluh meriam itu demikian lagi hadrat kekanda suruh tuang rentaka seperti acuan diberi Tenku Raja Awiya itu akan adinda dua ratus pucuk beratnya dua sepikul dan lela dua pasang seperti rawan rentaka itu panjang enam hasta pelurunya besar limau nipis pinta hadrat kekanda cahari kumkuma barang lima kati dan kasturi yang baik barang sekati dan jun barang empat puluh rafia adinda hendak perguna jadikan ubat ..."
>
> (MS 40320/5, f.5, t.t)

Pada 19 Julai 1776, Sultan Abdullah meminta Light untuk menjual kepada baginda meriam kecil bersaiz 3 hasta atau $3^{1/2}$ hasta sebanyak 10 buah (MS40320/10 f.68, t.t). Light membalas surat ini pada 18 Ogos 1776 dengan mengatakan meriam-meriam tersebut akan dihantar ke kota dan Kayang oleh Nakhoda Marikan.

> "...maka adalah ahwal kapal Nakhoda Marikan mari dalam kapal itu kata Nakhoda Marikan ada bawa sipai dan meriam dan senapang ampun tuanku maka sipai dan meriam dan senapang itu patik terima ambil bubuh dalam kota atau hantar ke Kayang..."
>
> (MS40320/6, f.66, t.t)

Raja Muda Perlis ketika itu iaitu Tunku Dhiaudin (adik Sultan Abdullah) menulis surat kepada Light untuk membeli serbuk belerang senapang 1 tong dan meriam sebanyak 4 tong dengan harga 38 riyal. Tunku Dhiaudin juga menyatakan bahawa dua pucuk pemuras (sejenis senjata

api lama Melayu) telah dihantar kepada Light dengan tujuan untuk membaiki kerosakan dan membuat sarung pemuras yang baru.

> "…kemudian dari itu beta nyatakan pada sahabat beta adalah beta hendak berguna ubat senapang satu tong dan ubat meriam yang baik empat tong maka inilah beta beri orang beta dapatkan sahabat beta pinta ubat itu…"
>
> (MS40320/10. f.42, t.t)

Di dalam surat bertarikh 30 Oktober 1778 pula, Sultan Abdullah sekali lagi meminta bantuan Francis Light untuk menghantar meriam dan senjata api kepada Kedah. Raja Siam meminta Kedah menghantar bantuan ketenteraan kepada mereka (MS40320/8, f.25, t.t). Permintaan ini dibuat bagi memenuhi tuntutan Siam, yang ketika itu berada di bawah pemerintahan Raja Thaksin, pengasas Dinasti Thonburi. Raja Thaksin baru sahaja berjaya membebaskan Siam daripada cengkaman Burma dan sedang giat berusaha untuk mengembalikan wilayah-wilayah yang pernah terlepas daripada kawalan Siam dan dalam tahun yang sama Raja Thaksin berjaya menakluki Ligor, Chaiya dan Kemboja (Mohd herman, 2016). Dua (2) tahun kemudian Sultan Abdullah sekali lagi ingin membeli 10 pucuk meriam kecil untuk dipasangkan kepada sebuah perahu yang akan belayar menuju ke Pulau Payar, namun tidak dinyatakan tujuan pelayaran perahu itu. Jika Light tidak mempunyai meriam untuk dijual, baginda meminta agar membantunya membeli meriam-meriam tersebut daripada mana-mana pedagang yang datang ke Kedah (MS40320/9, f.6, t.t).

Pada tahun 1786 pula, Siam menyerang Patani untuk menakluki negeri tersebut. Sultan Patani kemudiannya meminta bantuan daripada Kedah. Walaupun menerima tekanan, Sultan Abdullah tetap bersetuju untuk bergabung dengan Patani. Persetujuan Kedah ini menyebabkan Putera Surasi (Phya Uparat) iaitu wakil Rama I membuat keputusan untuk berdamai tetapi Sultan Abdullah mestilah mengakui pertuanan Siam ke atas Negeri Kedah. Di samping itu juga Phya Uparat mahukan Kedah bersekutu dengan Siam untuk menyerang tentera Burma yang berada di Thalang. Dalam masa yang sama Sultan Abdullah di minta untuk memberikan beras, meriam dan pakaian kepada tentera Siam yang berada di Thalang. Sultan Abdullah akhirnya bersetuju dengan syarat yang ditetapkan dan baginda kemudiannya mengundurkan semula angkatan tentera Kedah yang berada di Chena (Booney, 1974).

Sepanjang peperangan di antara Siam dan Burma dari tahun 1774-1786 yang turut melibatkan Kedah, Light berjaya menjual sebanyak 8372 musket, 50 buah meriam, beberapa meriam besar, sejumlah pistol flintlock, belerang dan campuran serbuk untuk membuat belerang (Collin, 2013). Pembelian senjata ini juga membuktikan bahawa Kedah adalah sebuah negeri yang sangat kaya kerana mampu membeli sejumlah senjata dalam jumlah yang banyak. Walaupun kenyataan-kenyataan ini memperlihatkan bahawa bukanlah tentera Kedah yang menggunakan senjata tersebut, tetapi hal ini membuktikan keupayaan tentera Kedah di dalam menggunakan meriam dan senjata api pada waktu peperangan.

Sepanjang tempoh yang tertekan ini, Kedah terpaksa bergantung kepada Pulau Pinang untuk mendapatkan senjata api dan meriam. Pada 25 Disember 1785 baginda membeli 3000 pucuk senapang dan 500 pucuk pemuras beserta peluru sebanyak 200 tong *(beli ubat bedil yang baik barang dua ratus tong dan sando)(*iaitu spring yang digunakan pada senjata api jenis flintlock) yang diserahkan kepada Saudagar Sulaiman (MS40320/7, f.221, 1787). *Kemudiannya Sultan*

Abdullah membeli 10 buah senapang (..beta pinta beli senapang barang tengah kodi..) daripada Light melalui Orang Kaya Raja Pekerma Indera (MS40320/10. F.3, t.t). Seterusnya baginda membeli 300 pucuk senapang daripada Kapten Scott (Kapitan Uskut) dengan harga 3 riyal sepucuk (MS40320/10, f.121, t.t).

Selepas Pulau Pinang diambil alih oleh Light secara penipuan pada tahun 1786, Sultan Abdullah merancang untuk menyerang Pulau Pinang dan mendapatkan kembali pulau itu. Untuk itu pada 29 March 1791 pembesar Kedah bersetuju untuk menghantar surat kepada Light bagi menuntut wang $10,000 yang dijanjikan oleh Light sejak 'pajakan' 1786 (Booney, 1974). Walau pun begitu akibat terlalu lama menunggu jawapan dari Light akhirnya Sultan Abdullah membuat perikatan dengan Siak, Lingga, Terengganu, Rembau, Sulu, Johor, Indragiri, Kota Karang dan Siantar bagi mengusir Light dari Pulau Pinang. Armada ini telah mengumpulkan sebanyak 400 buah perahu kecil dan besar, 120 pucuk meriam dan 800 orang tentera yang kemudiannya berkumpul di Perai. Akhirnya Light membayar wang sebanyak $5000 kepada Sultan Abdullah dan akan membayar bakinya setelah pakatan lanun dan lain-lainnya dibubarkan (Steuart, 1901).

Namun begitu, pada 12 April 1791 tanpa disangka-sangka tentera British menyerang kubu-kubu Kedah yang bertahan di Perai, serangan mengejut itu cuba di balas 4 hari kemudiannya namun angkatan Kedah dikalahkan. Kekalahan ini menyebabkan Sultan Abdullah terpaksa memikirkan semula perjanjian yang pernah ditandatangani dan akhirnya memilih jalan untuk berdamai (Booney, 1974 p.99). Pada 1 Mei 1791 sebuah perjanjian ditandatangani di antara pihak Light dengan Sultan Abdullah yang sekali gus menamatkan tuntutan ganti rugi dan pampasan tahunan berkaitan Pulau Pinang yang perlu dibayar kepada Kedah. Walaupun tentera Melayu ditewaskan tetapi mobilisasi ketenteraan ini menunjukkan keupayaan orang-orang Melayu menggunakan meriam dalam skala besar.

Ketika zaman Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (1803-1845), Syair Sultan Maulana (MS 12394, t. t) yang ditulis pada tahun 1811 merakamkan penggunaan meriam oleh tentera Kedah, di dalam peperangan yang berlaku di Jong Salang *(Phuket)*. Antara bait-bait puisi tersebut ialah:

Ghurub wazir peluru melangkah, Bandar pun banyak tembus tersinggah
Ditiang agung sebiji terpangkah, Tetapi tiada dipatuh dan bakah
Bunyi meriam seperti guruh, Rumah badan bagaikah luruh
Masing pergi tiada tertaruh, Tampil pun tiada sudah tersuruh
Bedil berbunyi seperti halilintar, Tiada dalam barang sebentar
Segala pahlawan tampil bergentar, Mana yang takut tubuh gementar
Pelurunya lebat tiada terkira, Kecuali banyak tiada mara
Tunku Idris membesarkan suara, Kepada wazir maksud dicerita
Katanya mengaruh tiada kuasanya, Dikerah tiada diendahkannya...

(MS 12394, t. t)

Bait teks syair ini memberikan gambaran yang jelas tentang keupayaan Tunku Idris, salah seorang panglima Kedah, dalam menggunakan meriam sebagai alat pertahanan dan serangan terhadap tentera Burma yang sedang mempertahankan Jong Salang daripada ditakluki oleh gabungan tentera Siam dan Kedah. Kecekapan Tunku Idris dalam mengendalikan meriam

menunjukkan kemahiran tentera Kedah dalam menggunakan teknologi ketenteraan, baik di darat mahupun di laut. Walaupun akhirnya tentera Kedah dikhianati oleh Siam, bait ini tetap membuktikan bahawa meriam merupakan salah satu senjata yang penting dalam strategi ketenteraan Kedah, dan ia digunakan dengan berkesan dalam usaha menangkis ancaman musuh. Keupayaan tersebut tidak hanya menggambarkan kekuatan ketenteraan Kedah, tetapi juga menunjukkan peranan meriam sebagai elemen penting dalam sejarah peperangan di kawasan tersebut.

Seterusnya pada tahun 1821, Siam dan Ligor menyerang Kota Kuala Kedah yang membawa kepada peperangan Kedah-Siam selama 21 tahun. Sebelum serangan berlaku Bendahara Kedah mengarahkan Dato Penghulu Kuala Kedah untuk menyiapkan 24 buah meriam di atas benteng kota (Booney, 1974, p.166 dan Gullick, 1983). Di dalam serangan mengejut ini ada di antara mereka telah di seksa sehingga mati manakala kaum wanita dan kanak – kanak perempuan telah ditangkap dan di rogol. Rumah mereka pula telah dibakar dan segala harta benda mereka dirampas. Semasa melarikan diri ke Pulau Pinang pula ada sebahagian daripada mereka dipancung dan mati lemas di tengah lautan kerana menaiki perahu secara beramai-ramai dan ada pula yang hilang dan mati akibat kebuluran. Sesungguhnya peristiwa inilah yang paling kejam sekali sepanjang Kedah berada dibawah penjajahan Siam. Tidak dapat dibayangkan bagaimana keadaan yang sangat sengsara yang perlu di hadapi oleh orang – orang Kedah pada waktu itu (Mohd Herman, 2016, pp 90-93). Setelah berjaya menawan Kota Kuala Kedah tentera Siam telah merampas beberapa pucuk meriam dan dibawa naik ke atas kapal mereka dan mereka juga merampas hasil dagangan daripada kapal dan perahu yang datang dari Pulau Pinang dan kemudiannya membakar kapal-kapal tersebut (Anderson 1824).

Pada 24 April 1831 gabungan tentera Kedah seramai 5000 orang yang diketuai oleh Tunku Kudin menyerang kedudukan Siam di Kuala Kedah dan mencapai kemenangan. Pasukan Kedah bertahan selama hampir 3 bulan dan kemudiannya pada bulan Jun Raja Ligor telah mengumpulkan tenteranya dan tentera dari Patthalung untuk menyerang Kedah. Seramai 7500 orang tentera dengan 3000 gajah telah bergabung dengan angkatan tentera Siam yang berada di Alor Ganu dan mengepung Kota Kuala Kedah selama 5 bulan. Tunku Kudin dan pahlawan Kedah telah berperang dengan menggunakan meriam Badak Berendam dan Meriam Katak Puru untuk menghalang tentera Siam mendarat. Setelah kehabisan peluru meriam, Tunku Kudin bertahan di pintu utara kota bersama 50 pahlawan Kedah. Tentera Siam pula menyerbu masuk mengikut pintu timur kota dengan mendirikan menara untuk memanjat dinding kota.

Tunku Kudin dan pahlawan bertahan sehingga mereka semua terbunuh. Tunku Kudin juga dinyatakan telah mati dikawasan tembok sebelah selatan betul-betul berhadapan sungai Kedah.*Sepanjang pertempuran tersebut* sejumlah 1205 Flintflock digunakan oleh kedua-dua belah pihak. Seramai 1255 pejuang Kedah terbunuh iaitu 655 lelaki dan 600 perempuan. Sebuah kapal milik tentera Kedah bernama Sisaka berjaya ditenggelamkan oleh tentera Siam. *Peperangan selama 5 bulan itu telah menyebabkan 700 tentera Siam terbunuh dan 1500 pahlawan Kedah terkorban, sebanyak 5000 keluarga telah di tawan dan di bawa ke Ligor dan tamat pada 4 Oktober 1831* (Mohd Herman, 2016, p133-134; Phasuk & Stott, 2004; Walter, 1957 dan Wynne, 2000)

Pada tahun 1838, berlaku kebangkitan kedua tentera Kedah yang dipimpin oleh Tunku Abdullah ibn Sultan Ahmad Tajuddin II, Tunku Muhammad Saad ibn Tunku Daud dan Tunku Muhammad Akib Ibn Tunku Bisnu. Kepimpinan Kedah ini dibantu oleh Dato Wan

Muhammad Ali dari Langkawi dan ramai lagi. Sekitar bulan Februari 1839, Dato Wan Muhammad Ali memimpin angkatan laut yang disertai oleh 35 buah perahu penjajap. Semua perahu ini dilengkapi oleh meriam yang diletakkan di bahagian depan (bow cannon) dan meriam ekor lutong di tepi perahu (sw*ivel gun). Perahu-perahu ini menyerang perahu milik Siam disepanjang laut Setul dan Phang Nga* (Skinner, 1993, p. 92).

Pada 16 Mac 1839 seramai 15,000 tentera Siam berkubu di Alor Ganu dan 10,000 dari tentera ini dilengkapi dengan pistol Tower Flintlock yang dibeli dari British. Seramai 4000 orang tentera Siam menyerang Kota Kuala Kedah dengan membedil kubu tersebut dan dibalas pula oleh meriam 18 pound milik tentera Kedah. Menurut laporan pihak Siam, Luang Narong yang menyoal siasat seorang pedagang Cina di Singapura bernama Lim Hua, tentera Kedah pada ketika itu memiliki 40 buah meriam dan 60 senapang musket (Skinner, 1993, p138). Ketika Siam menyerang tentera Kedah yang bertahan di Kota Kuala Kedah, kapal British bernama Hyacinth pula mengepung kuala sungai supaya dapat menangkap tentera Kedah yang lari melalui sungai (Osborn, 1987 & Augustin 1992. Tunku Abdullah, Syed Hussein dan 3000 pahlawan Kedah tidak mampu bertahan lalu mengundurkan diri ke Perlis (Skinner, 1966, p. 20; Gullick, 1983, p. 47 dan Kobkua, 1991, p. 8).

Akhirnya pada 20 Mac 1839 Kota Kuala Kedah di tawan semula oleh tentera Siam. Tunku Mohamad Saad dan Tunku Abdullah (dari Perlis) kemudiannya melarikan diri ke Pulau Pinang. Wan Muhammad Ali dan pasukannya pula meninggalkan Trang dan menuju ke Langkawi namun dikejar oleh Kapal Hyacinth. Pasukan Wan Muhammad Ali dikejar sehingga Kampung Ulu Melaka dan akhirnya menyerahkan diri kepada Kapten Warren manakala semua perahu dan meriam milik pasukan Langkawi dimusnahkan. Walau pun begitu Wan Muhammad Ali dan beberapa pengikutnya kemudiannya melarikan diri ke Sumatera bersama 2 buah perahu dan meriam 9 pound (Mohd Herman, R. , 2016, p. 149). Peperangan selama 18 tahun antara Kedah dan Siam bukan sahaja menyaksikan kekalahan Kedah dari segi ketenteraan tetapi juga membawa kesan ekonomi yang mendalam di rantau ini. Konflik yang berpanjangan itu telah menyebabkan gangguan besar terhadap urusan perdagangan serantau, termasuk di Pulau Pinang, sebuah pusat perdagangan penting di bawah naungan British. Kehilangan akses kepada rangkaian perdagangan di Kedah serta ketidakstabilan politik di kawasan sekitarnya menjejaskan aliran ekonomi dan hasil cukai di Pulau Pinang.

Menyedari kesan buruk konflik ini, pada tahun 1842, Gabenor S.G. Bonham mengambil inisiatif diplomatik dengan mengisytiharkan kepada kerajaan Siam bahawa British tidak akan lagi memberikan sokongan kepada usaha penjajahan Siam di Kedah. Sebagai langkah untuk mengakhiri ketegangan dan memulihkan kestabilan, beliau mencadangkan agar Tunku Daei, seorang pewaris dari keluarga diraja Kedah, dilantik sebagai Sultan Kedah (Gullick, 1983, p. 38; Mills, 2012, p. 194). Cadangan ini bertujuan untuk mewujudkan kompromi yang dapat diterima oleh semua pihak dan mengembalikan struktur pemerintahan tradisional Kedah sebagai negeri naungan yang lebih stabil dan berfungsi di bawah pengaruh Siam. Pada tahun 1845, setelah melalui rundingan yang melibatkan beberapa syarat yang ditetapkan oleh kerajaan Siam, Negeri Kedah akhirnya diserahkan semula kepada Sultan Ahmad Tajuddin II. Pengembalian kuasa ini menandakan tamatnya episod peperangan yang telah berlarutan selama 21 tahun, satu tempoh yang penuh dengan penderitaan dan kehilangan bagi rakyat Kedah.

Selama lebih dua dekad, negeri Kedah menjadi medan pertempuran yang membawa kemusnahan kepada tanah air, sistem ekonomi, dan institusi tradisionalnya. Ribuan rakyat Kedah terpaksa berdepan dengan kekejaman perang, kehilangan nyawa, dan peminggiran dari tanah mereka sendiri. Meskipun Sultan Ahmad Tajuddin II kembali berkuasa, realiti yang menanti adalah sebuah negeri yang lemah, dengan luka-luka peperangan yang memerlukan masa yang panjang untuk dipulihkan.

Pengembalian ini, walaupun membawa sinar harapan, turut menyimpan kedukaan yang mendalam. Ia menjadi peringatan tentang harga yang harus dibayar oleh Kedah untuk mempertahankan maruah dan kedaulatannya di tengah-tengah tekanan geopolitik dan ketamakan kuasa serantau. Peperangan selama 21 tahun bukan sahaja memadamkan nyawa dan kebahagiaan, tetapi juga menguji daya tahan rakyat Kedah dalam menghadapi penjajahan dan penindasan. Namun demikian, selepas serangan Siam pada tahun 1821, Kota Kuala Kedah yang dahulunya menjadi pusat pertahanan dan perdagangan penting mula diabaikan. Kehancuran akibat serangan tersebut meninggalkan kota itu dalam keadaan usang dan tidak terurus, mencerminkan tempoh kegelapan dalam sejarah Kedah.

Hanya pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah II (1881–1943), usaha pemulihan kota tersebut mula dilakukan. Salah satu langkah penting ialah pembinaan sebuah rumah api pada tahun 1891, yang dilaksanakan atas cadangan Raja Siam, Raja Chulalongkorn (1853–1910). Rumah api ini bukan sahaja berfungsi sebagai mercu tanda navigasi maritim tetapi juga menandakan permulaan pemulihan infrastruktur pelabuhan Kuala Kedah. Pembinaan ini sedikit sebanyak menghidupkan kembali fungsi Kuala Kedah sebagai kota pelabuhan, sekaligus memulihkan peranannya sebagai pintu masuk perdagangan dan simbol ketahanan Kedah dalam menghadapi cabaran sejarah. Namun, ia juga menjadi lambang hubungan rumit antara Kedah dan Siam, yang menyaksikan percaturan politik serta usaha penyesuaian untuk memastikan kestabilan rantau ini.

Selepas termeterainya Perjanjian Bangkok pada tahun 1909, Kedah diserahkan oleh pihak Siam kepada British, menjadikan negeri itu sebahagian daripada perlindungan British di Semenanjung Tanah Melayu. Pada ketika itu, sistem perhubungan di Kedah masih dalam tahap awal pembangunan, dan laluan sungai kekal sebagai pilihan utama untuk pergerakan manusia dan barangan. Kota Kuala Kedah terus memainkan peranan sebagai pelabuhan kecil serta laluan dagang utama untuk sampai ke Alor Setar. Menyedari nilai sejarah dan kepentingan strategik kota ini, pihak British memplotkan kawasan tersebut sebagai sebuah tapak warisan pada tahun 1912. Keputusan ini menandakan pengiktirafan terhadap sejarah panjang Kota Kuala Kedah, yang telah menyaksikan pelbagai episod penting dalam politik dan perdagangan serantau. Serentak dengan itu, para pentadbir British memulakan usaha pembangunan, menjadikan kawasan sekitar kota ini sebagai bandar moden. Pelbagai bangunan pentadbiran seperti sekolah, mahkamah, dan pejabat kastam dibina di dalam dan sekitar kota, mencipta persekitaran yang tersusun dan teratur.

Pembangunan ini membawa kemajuan sosial dan ekonomi kepada masyarakat di Kuala Kedah, memberikan akses kepada pendidikan, sistem pentadbiran moden, dan peluang pekerjaan yang lebih baik. Namun, era kemajuan ini tidak kekal tanpa gangguan. Tercetusnya Perang Dunia Kedua membawa cabaran baru yang menggoncang kestabilan rantau ini, menguji ketahanan masyarakat yang selama ini menikmati manfaat pembangunan British di Kota Kuala Kedah.

Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, termasuk di Kedah, Kuala Kedah memainkan peranan strategik apabila ia dijadikan markas tentera Jepun. Kedudukannya yang berdekatan dengan laluan sungai utama dan Alor Setar menjadikannya lokasi penting untuk mengawal pergerakan tentera dan logistik.

Menurut Encik Rais bin Mustafa, seorang saksi sejarah yang kini berusia 96 tahun, selepas Jepun menyerahkan Kedah kepada Siam pada tahun-tahun terakhir perang, markas tentera di Kuala Kedah turut diserahkan kepada pihak Siam. Peristiwa ini, yang disaksikan sendiri oleh beliau, memperlihatkan bagaimana perubahan geopolitik di rantau ini mempengaruhi kedudukan strategik dan fungsi kota tersebut. Pada tahun 1945, dengan tamatnya Perang Dunia Kedua, penguasaan tentera Jepun di Tanah Melayu berakhir secara rasmi. Kedah kembali di bawah penguasaan Inggeris.

Pada tahun 1953 Menteri Besar Kedah pada ketika itu iaitu Dato Haji Mohamed Shariff Bin Osman mengutuskan surat kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaya iaitu Gerald Templar memohon bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat untuk membaik pulih Kota Kuala Kedah. Di dalam surat balasan Templar kepada Menteri Besar Kedah, beliau menyatakan banyak pihak memberitahunya tentang keadaan Kota Kuala Kedah yang sudah uzur dan dan sepatutnya Kota Kuala Kedah dijadikan sebuah monumen Negeri Kedah. Templar bersetuju agar bangunan ini dipulihara dan berharap kota tersebut dapat digunakan pada sambutan kemerdekaan 1957.

Sokongan yang diberikan oleh Templar ini menyebabkan usaha-usaha pemulihan Kota Kuala Kedah dijalankan. Pada 24 Februari 1953 J.P Murphy iaitu Jurutera Eksekutif Kanan Negeri Kedah *(Senior Executive Engineer North Kedah - SEENK)* menjalan siasatan ke atas kota tersebut. Beliau menyatakan bahawa pelbagai kerosakan telah berlaku dikeseluruhan kota tersebut akibat keretakan, akar pokok yang menjalar dan binatang ternakan yang naik ke atas tembok kota. Beliau menambah buat masa sekarang usaha baik pulih adalah sangat penting namun usaha-usaha yang dibuat ini hanya bertumpu kepada baik pulih kecil terhadap struktur tembok dan meriam-meriam. Untuk itu para pekerja yang mahir dalam batu bata dan pertukangan diperlukan dengan menggunakan bahan-bahan yang ada di dalam kota tersebut.

Dianggarkan sejumlah RM 5000 akan digunakan untuk memperbaiki keseluruhan kota ini dan sejumlah RM 2000 pula untuk penyelenggaran tahunan. Kos ini termasuklah mengupah pekerja am, tukang kebun, pengawal dan penurap bata. Menurut laporan A.B Ramsay pada 2 March 1953 bahagian tembok yang mengadap laut dan sungai tidak dapat lagi diselamatkan yang dapat dibaiki hanyalah tembok yang berada di pintu gerbang sahaja. Kemudiannya waran RM 2000 diluluskan oleh Pejabat Kewangan Negeri Kedahyang diberikan kepada Pejabat Tenaga Kerja Negeri Kedah untuk kerja-kerja penyelenggaran dan restorasi.

Pada ketika ini usaha baik pulih bertumpu kepada pintu gerbang kota yang rosak. Dalam waktu yang sama sebuah meriam telah ditemui terdampar di dalam laut di bahagian barat tembok walaupun begitu meriam ini tidak dapat diselamatkan kerana meriam tersebut berada di dalam selut dan lumpur yang tebal (Adviser Kedah, S.E.E.N.K 186-53, t.t).

Pada 26 Februari 1954 menurut R. Waddell iaitu Ketua Jurutera Negeri Kedah/Perlis melaporkan bahawa kerja-kerja restorasi dan baik pulih Kota Kuala Kedah berjaya disiapkan dan baki wang yang masih ada pula akan digunakan untuk mengeluarkan semula meriam yang

terdampar di dalam lumpur. Dalam masa yang sama Pejabat Jurutera Negeri Kedah/Perlis menegaskan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM 5000 diperlukan untuk memperbaiki keseluruhan tembok kota, meriam dan membina semula laluan pejalan kaki (Adviser Kedah, S.E.E.N.K 186-53, t.t).

Akhirnya pada tahun 31 Ogos 1978 kota ini telah diwartakan dengan Warta No P.U (A) 249 di dalam "Akta Benda Purba 1976" di bawah akta 165 di dalam Perintah Monumen Lama dan rujukan failnya ialah JM/M/701/K/2(1) ((Raiha, 1981, p. 5). Warta ini terletak di dalam perintah Tapak tanah Bersejarah (No.9) 1978 yang telah dipersetujui di antara Kerajaan Persekutuan yang di wakili oleh Datuk Abdul Samad Bin Idris iaitu Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Al-Sultan Al-Mu'tassimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah (1958-2017) melalui pewartaan ini pelbagai usaha dijalankan bermula pada tahun 1980 dengan membuat kajian struktur kota dan sebagainya. Pada tahun 1981 kerja-kerja arkeologi dijalankan. Pada tahun 1982 kerja-kerja pemulihan untuk menyelamat keseluruhan kota pula dijalankan. Seterusnya pada tahun 1984, usaha carigali dijalankan dan semasa kerja-kerja ini dijalankan 2 tapak telah ditemui yang dipercayai sebagai tapak istana dan tapak stor simpanan senjata (Mohd Kamaruzaman A.R, Ahmad Harun, Mohd Zoki T, 1992, pp. 1-2; A.Rahim, 2021).

Menurut Encik Azhar bin Mohamed, bekas Pengurus Muzium Kota Kuala Kedah, pada tahun 2000, usaha baik pulih besar-besaran telah dijalankan untuk memulihkan Kota Kuala Kedah sebagai tapak sejarah yang signifikan. Kerja-kerja pemulihan ini melibatkan pembinaan semula struktur pintu kota, pemulihan tembok-tembok yang telah runtuh, serta pengembalian fasiliti lain di dalam kawasan kota. Namun, maklumat mengenai proses baik pulih ini amat terhad, memandangkan sehingga kini tiada rekod rasmi yang lengkap ditemui berkenaan usaha tersebut. Kekurangan dokumen terperinci ini, termasuk maklumat mengenai meriam-meriam yang pernah menjadi sebahagian daripada pertahanan kota, menimbulkan cabaran dalam memahami sepenuhnya sejarah dan struktur asal tapak tersebut.

Walaupun begitu, usaha pemulihan ini menunjukkan komitmen agensi-agensi kerajaan terhadap pemeliharaan warisan sejarah Kedah. Kota Kuala Kedah terus menjadi simbol ketahanan dan kebanggaan negeri ini, meskipun masih banyak misteri yang menyelubungi peninggalan sejarahnya. Kekurangan rekod rasmi juga menyerlahkan keperluan mendesak untuk melaksanakan kajian dan dokumentasi lebih lanjut bagi memastikan khazanah sejarah ini terus dilestarikan untuk generasi akan datang.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kajian ini mendapati bahawa meriam-meriam di Kota Kuala Kedah, khususnya meriam Badak Berendam dan Katak Puru, dipercayai dihasilkan oleh British dan kemudiannya dibeli oleh Kesultanan Kedah. Selain fungsi ketenteraan, meriam-meriam ini turut dikaitkan dengan unsur mistik, berikutan pengaruh doa, amalan, dan jampi serapah yang seperti yang tercatat dalam buku *Peluru Petunang*. Kepercayaan terhadap elemen mistik ini memberi dimensi tambahan terhadap persepsi kehebatan meriam, khususnya kerana ia

diperbuat daripada bahan seperti besi dan logam yang dipercayai dapat menyimpan "kuasa" tertentu.

Kepercayaan sedemikian bukanlah perkara yang mustahil, kerana hampir semua budaya dan agama di dunia mengakui peranan unsur mistik dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk peperangan. Elemen ini dipercayai dapat memberi kekuatan moral kepada pasukan, selain menimbulkan rasa gentar kepada musuh. Namun, kepercayaan ini tidak seharusnya mengaburkan fakta bahawa keupayaan teknologi dan kemahiran logam memainkan peranan utama dalam penghasilan senjata seperti meriam.

Oleh itu, amat penting untuk mengembangkan kajian dari perspektif sains dan teknologi dalam memahami pembuatan dan penggunaan meriam oleh masyarakat dahulu kala. Pendekatan saintifik dapat membantu menjelaskan teknologi, kemahiran, dan inovasi yang digunakan, sekaligus memperkukuhkan kefahaman masyarakat tentang peranan logik dan sains dalam sejarah ketenteraan. Kajian seperti ini juga dapat menjadi asas untuk membangunkan minat terhadap sejarah teknologi tempatan dan memupuk penghargaan terhadap warisan kejuruteraan ketenteraan bangsa Melayu. Penelitian yang lebih mendalam mampu membuka ruang untuk memperkenalkan teknologi ini kepada generasi akan datang dengan pandangan yang lebih seimbang antara tradisi dan logik.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah di atas sokongan dan ruang yang diberikan kepada penerbitan artikel ini. Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohd Herman Bin Roslan: Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemilihan tajuk dan reka bentuk penyelidikan, termasuk pembangunan instrumen soal selidik berdasarkan kajian terdahulu. Beliau turut melaksanakan keseluruhan proses pengumpulan dan analisis data, serta menulis kesemua bahagian artikel, daripada pengenalan, sorotan literatur, metodologi, dapatan dan perbincangan, hingga kesimpulan. Selain itu, beliau juga menyelaras penyusunan akhir artikel untuk penerbitan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis melaporkan bahawa tiada sebarang kepentingan bersaing yang perlu diisytiharkan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis melaporkan bahawa tiada sebarang kepentingan bersaing yang perlu diisytiharkan.

RUJUKAN

A. Samad Ahmad. (1984). *Peluru Petunang.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

A.Rahim, B. (2021). *Temuramah pada 7 Ogos* . Muzium Kota Kuala Kedah.

Adviser Kedah. (S.E.E.N.K 186-53). *Restoration of The Fort at Kuala Kedah.*

Anonymous (2009). Age of Sail . (Dirujuk pada 12 Januari 2025), 3 18). Didapatkan dari https://ageofsail.wordpress.com: https://ageofsail.wordpress.com/2009/03/18/the-armstrong-pattern-cannon/

Andaya, B. (1976). The Role Of The Anak Raja In Malay History: A Case Study From Eighteenth-Century Kedah . *Journal of Southeast Asian Studies Vol 2* , 162-186.

Anderson, J. (1824). *Political and Commercial Considerations Relative to The Malayan Peninsula and the British Settlements in The Straits of Malacca* . London: William Cox.

Augustin, J. F. (1992). *Bygone Kedah.* Lembaga Muzium Negeri Kedah.

Booney R. (1974). *Kedah 1771 -1821 : The Search for Security and Independence.* . Oxford University Press.

Collin, M. (2013). *A History of Phuket and the Surrounding Region.* White Lotus.

Collins, A R. (2021, Mei 13). *https://www.arc.id.au/Cannon.html.* Didapatkan dari https://www.arc.id.au/index.html.: 2021

Gullick, J. (1983). Kedah 1821-1855 Years of Exile. *Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society Vol. 56, No. 2*.

Keith, D. H. (2011 (Dirujuk pada 5 Januari 2025)). *Times of The Island* . Didapatkan dari https://www.timespub.tc/: https://www.timespub.tc/2011/06/deciphering-the-cannon-code/

Kobkua, S. P. (1991). *Sejarah Thai Zaman Bangkok.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mills, L. (2012). *British Malaya 1824-1867, MBRAS Reprint No 22.* Malaysian Branch Royal Asiatic Society.

Ministry for Heritage (t.t). (Dirujuk pada 12 Januari 2025). *HM Government of Giblatar*. Didapatkan dari https://www.ministryforheritage.gi: https://www.ministryforheritage.gi/heritage-and-antiquities/24-pdr-cannon-parsons-lodge-1457

Mohammad Isa, O. (1990). *Politik Tradisional Kedah.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Herman, R. (2016). *Gajah Putih Di Bumi Geroda : Perang Kedah - Siam 1767-1842.* Geroda Merah Press.

Mohd Kamaruzaman A.R, Ahmad Harun, Mohd Zoki T. (1992). Penyelidikan Arkeologi Kota Kuala Kedah. *Jurnal Arkeologi Malaysia 5*, 1-27.

MS 12394. (t.t). *Syair Sultan Maulana.* British Library.

MS 40320/10, f.121. (t.t). Light Letters - Surat cit Seri Maharaja Dewa kepada Francis Light berkaitan pembelian senapang.

MS 40320/10, f.3. (t.t). Light Letters - Surat Paduka Maharaja kepada Francis Light berkaitan pembelian senapang.

MS 40320/10, f.42. (1778, April 11). Surat Raja Muda Perlis kepada Francis Light berkaitan pembelian ubat senapang dan ubat meriam (Sabtu, 14 Rabiul Awal).

MS 40320/5, f.5. (1785, Disember 31). Light Letters - Surat Seri Maharaja Dewa Kedah kepada Francis Light berkaitan pembelian meriam tembaga.

MS 40320/6, f.66. (1776, Ogos 18). Surat Francis Light kepada Sultan Kedah berkaitan pembelian meriam dan senapang.

MS 40320/7, f.221. (1787, December 25). Surat Sultan Abdullah Mukarram Shah kepada Francis Light berkaitan pembelian senapang dan pemuras .

MS 40320/7, f.84. (t.t). Light Letters - Surat Sultan Abdullah Mukarram Shah kepada Francis Light berkaitan kekurangan perdagangan di Kedah dan perniagaan di Kuala Perai .

MS 40320/8, f.25. (t.t). *Light Letters - Surat Sultan Abdullah kepada Francis Light berkaitan permintaan perahu dan tentera oleh Siam.*

MS 40320/8, f.25. (t.t). Surat Sultan Abdullah kepada Francis Light berkaitan permintaan perahu dan tentera oleh Siam (Jumaat, 9 Syawal).

MS40320/10 f.68. (1776, Julai 19). Surat Sultan Abdullah Mukarram Shah kepada Francis Light meminta meriam kecil dan tentang penghantaran beras ke Pulau Pinang.

MS40320/9 f.6. (1780, Ogos 3). Surat Sultan Abdullah Kedah kepada Francis Light tentang perahu orang jahat dan permohonan membeli meriam.

Muhammad Yusoff, H. (1992). *Hikayat Siak.* Dewan Bahasa & Pustaka.

Muzium Kota Kuala Kedah (t.t). *Laporan Cadangan Konservasi Meriam Kuala Kedah.* [Laporan tidak diterbitkan]

Osborn, S. (1987). *The Blockade of Kedah In 1838.* Oxford University Press.

Phasuk S. & Stott P. (2004). *Royal Siamese Maps : War and Trade in 19th AD Siam.* River Books.

Raiha, M. S. (1981). *Kota-kota Bersejarah di Semenanjung Malaysia.* Jabatan Muzium Malaysia.

Skinner, C. (1966). *Civil War In Kelantan In 1839.* Singapore: Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, No. 2.

Skinner, C. (1993). *Rama. III and the Siamese Expedition to Kedah in 1839, The Dispatches of Luang udomsombat.* Monash University.

Steuart, A. (1901). *The Founders of Penang and Adelaide.* . William Clowes and Sons Limited.

Virginia Matheson, R. H. . (1982). *Tuhfat Al-Nafis.* . Fajar Bakti.

Walter F. Vella. (1957). *Siam Under Rama III 1824-1851.* J.J Augustion for Asian Studies.

Winstedt, R. (1936). Notes History of Kedah. *Journal of The Malayan Branch Asiatic Society Vol 14 Part III.*

Wynne, M. (2000). *Triad and Tabut.* Routledge.

Zamrul, Z. A. (2009). *Konservasi Artifak Meriam Sejarah.* Jabatan Muzium Malaysia.